

**TARIAN PINAKANG ETNIK KIMARAGANG:  
KONTEKS PERSEMBAHAN DAN REKAAN  
KOSTUM**



**VICTOR B. PANGAYAN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN  
WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

**TARIAN PINAKANG ETNIK KIMARAGANG:  
KONTEKS PERSEMBAHAN DAN REKAAN  
KOSTUM**

**VICTOR B. PANGAYAN**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
SARJANA SASTERA SENI KREATIF**

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN  
WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kajian pengkaji sendiri, kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah pengkaji nyatakan sumbernya.

23 Julai 2014

---

Victor B. Pangayan  
PY20118117



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **VICTOR B. PANGAYAN**  
NO. PELAJAR : **PY2011-8117**  
TAJUK : **TARIAN PINAKANG ETNIK KIMARGANG:  
KONTEKS PERSEMBAHAN DAN REKAAN KOSTUM**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (SENI KREATIF)**  
TARIKH VIVA : **23 April 2014**

**DISAHKAN OLEH;**

**1. PENYELIA UTAMA**

Prof. Madya Dr. Low Kok On

Tandatangan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**2. PENYELIA KEDUA**

Puan Esterlina Moo Chin Len Lazarus

\_\_\_\_\_

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua penyelia saya, Prof. Madya Dr. Low Kok On dan Puan Esterlina Moo Chin Len Lazarus kerana telah banyak membimbing dan memberi tunjuk ajar yang tidak terhingga sepanjang penyelidikan ini dijalankan.


Tidak lupa juga kepada semua informan yang banyak memberi maklumat berkaitan dengan konsep persembahan tarian Pinakang dan rekaan kostum. kajian ini tidak akan berjaya tanpa maklumat dan kerjasama daripada semua informan.

Kepada semua pensyarah Sekolah Pengajian Seni yang kini dikenali sebagai Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, khususnya kepada Puan Jinky Jane C. Simeon dan pensyarah tari kerana atas dorongan dan sokongan motivasi yang diberikan saya berjaya menyelesaikan penyelidikan ini.

Buat semua ahli keluarga yang banyak membantu sepanjang penyelidikan ini terutama kepada bapa dan mama tercinta, berkat doa dan dorongan yang tidak pernah putus telah menjadi kekuatan dan pembakar semangat saya sehingga penyelidikan ini selesai.

Sesungguhnya, segala pujian dan syukur itu hanya untuk Tuhan.

Victor B. Pangayan  
PY20118117



## ABSTRAK

Tarian Pinakang merupakan sejenis tarian tradisional etnik Kimaragang yang tinggal di sekitar daerah Kota Marudu, Sabah. Kajian ini bertujuan mendokumentasi dan menganalisis aspek persembahan, rekaan kostum serta aksesori yang dipakai oleh penari tarian Pinakang. Walaupun tarian Pinakang ini masih popular dalam kalangan etnik Kimaragang sehingga kini, namun tarian ini kurang diketengahkan di peringkat negeri Sabah apatah lagi diperingkat kebangsaan. Merujuk kepada kajian kepustakaan yang dilakukan, kajian ilmiah ke atas tarian Pinakang didapati belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Fokus analisis kajian ini adalah kepada konteks persembahan, kostum dan aksesori yang dipakai oleh penari semasa mempersembahkan tarian Pinakang. Selain itu, kajian ini akan mengetengahkan rekaan kostum serta aksesori etnik Kimaragang mengikut zaman. Hasil kajian seperti ini sesuai dijadikan rujukan oleh pengiat seni tari, jurulatih tarian tradisional serta pereka busana tradisional.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### ***PINAKANG DANCE OF THE KIMARGANG ETHNIC GROUP: PERFORMANCE CONTEXT AND COSTUMES DESIGN***

*The Pinakang dance is a well known traditional dance of the Kimargang ethnic group residing in Kota Marudu District of Sabah. This study aims to document and analyze the aspect of performance, costume design and accessories worn by the Pinakang dancers. Based on the lack of literature review, it was found that there are still no studies focused specifically on the Pinakang dance. This study focuses on three important aspects of the Pinakang dance, namely the context of the performance, the design of the costumes and accessories worn by the Pinakang dancers. This study will also focus on the aspect of design in the Kimargang costume and accessories throughout the years. The findings of this study are expected to provide a cohesive reference to all dancers, traditional dance instructors as well as the traditional costume designers.*



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xiii
<b>SENARAI PETA</b>	xiv
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian	3
1.5 Kaedah Analisis Data	4
1.6 Lokasi Kajian	4
1.6.1 Daerah Kota Marudu	6
1.6.2 Daerah Pitas	9
1.7 Etnik Kimaragang: Satu Pengenalan	10
1.7.1 Asal Usul Etnik Kimaragang	10
1.8 Tarian Pinakang: Satu Pengenalan	14
1.8.1 Busana Tarian Pinakang	16
1.8.2 Konsep Persembahan Tarian Piankang	18
1.8.8 Alat Muzik	19
1.9 Limitasi Kajian	22
1.10 Kepentingan Kajian	23



## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	24
2.2	Kajian Lepas Tarian dan Kostum Tradisional Kadazandusun	26
2.3	Kajian Lepas Tarian Pinakang dan Kostum Tradisional Kimaragang	37
2.4	Penutup	41

## **BAB 3: METODOLOGI DAN KERJA LAPANGAN**

3.1	Pengenalan	43
3.2	Kerja Lapangan	43
3.2.1	Mengenal Pasti Lokasi Kajian	43
3.2.2	Mengenal Pasti Informan	44
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	49
3.4	Menemu Bual Informan	49
3.4.1	Menemu Bual Secara Mendalam ( <i>in dept interview</i> )	49
3.4.2	Menemu Bual Secara Berfokus ( <i>Focus Group Interview</i> )	50
3.4.3	Pemerhatian Secara Langsung ( <i>Unobtrusive Observation</i> )	51
3.5	Hasil Kerja lapangan	53
3.6	Kaedah Analisis Gerak	61
3.7	Penutup	65

## **BAB 4: KONTEKS PERSEMBAHAN DAN FUNGSI TARIAN PINAKANG**

4.1	Pengenalan	66
4.2	Konteks Persembahan Tarian Pinakang	66
4.2.1	Konteks Persembahan Tarian Pinakang dalam Majlis Tidak Rasmi	67
a.	Konteks Persembahan Tarian Pinakang dalam Majlis Perkahwinan	70
b.	Konteks Persembahan Tarian Pinakang dalam Majlis Ulang Tahun	73
c.	Konteks Persembahan Tarian Pinakang dalam Majlis Mongukas	74
4.2.2	Konteks Persembahan Tarian Pinakang dalam Majlis Rasmi	77
4.3	Ragam Gerak dan Koreografi Tarian Pinakang	84

4.3.1	Ragam Gerak Lelaki dan Wanita	84
	a. <i>Sumirid</i>	86
	b <sup>1</sup> . <i>Mongigol</i>	89
	b <sup>2</sup> . <i>Mangandak</i>	92
	c. <i>Mitalib</i>	95
	d. <i>Mangalikapta</i>	98
4.3.2	<i>Effort Movement</i> Tarian Pinakang	101
4.3.3	Koreografi dan Pola Lantai	103
4.5	Penutup	105
<b>BAB 5: ANALISIS KONSEP PERUBAHAN REKAAN KOSTUM DAN AKSESORI</b>		
5.1	Pendahuluan	107
5.2	Sejarah Awal Kostum Tarian Pinakang	107
	5.2.1 Proses <i>Moningkor</i> dan <i>Mangawol</i>	108
5.3	Perubahan Kostum Tarian Pinakang	112
	5.3.1 <i>Sistem Binat'ang</i> Pada Sebelum Kedatangan Kuasa Barat	113
	a. Kostum Wanita dan Aksesori	115
	b. Kostum Lelaki dan Aksesori	121
	5.3.2 Zaman Kedatangan Kuasa Barat (1881-1963)	125
	a. Kostum Wanita dan Aksesori	126
	b. Kostum Lelaki dan Aksesori	130
	5.3.3 Zaman Penjajahan Jepun (1940-1945)	132
	a. Kostum Wanita dan Aksesori	134
	b. Kostum Lelaki dan Aksesori	136
	5.3.4 Zaman Kemerdekaan Sehingga Kini	138
	a. Kostum Wanita dan Aksesori	139
	b. Kostum Lelaki dan Aksesori	143
5.4	Rumusan dan Dapatan Kajian	146
<b>BAB 6: PENUTUP</b>		148
<b>RUJUKAN</b>		153
<b>GLOSARI</b>		158

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Gong yang digunakan bagi mengiringi tarian Pinakang	21
Jadual 3.1: Senarai lokasi kajian	44
Jadual 3.2: Senarai informan di daerah Kota Marudu	47
Jadual 3.3: Senarai informan di daerah Pitas	48
Jadual 4.1: Perbezaan dan persamaan ketiga-tiga majlis keramaian	77
Jadual 4.2: Perbezaan ruang persembahan tarian Pinakang dalam majlis rasmi dan tidak rasmi	78
Jadual 4.3: Perbezaan persembahan tarian Pinakang di dalam majlis rasmi dan majlis tidak rasmi	83
Jadual 4.4: Bacaan <i>gliding effort</i> dan <i>dabing effort</i> dalam tarian Pinakang	102
Jadual 5.1: Pewarna tradisional dan warna kain yang di hasilkan	109
Jadual 5.2: Senarai peralatan dan fungsi peralatan yang digunakan dalam proses <i>moningkor</i> dan <i>mangawol</i>	110
Jadual 5.3: Ringkasan kostum dan aksesori penari wanita semasa zaman sebelum kedatangan kuasa British	120
Jadual 5.4: Ringkasan kostum dan aksesori penari lelaki semasa zaman sebelum kedatangan kuasa barat	125
Jadual 5.5: Ringkasan kostum dan aksesori penari wanita tarian Pinakang pada zaman pemerintahan British (1881-1963)	129
Jadual 5.6: Ringkasan kostum dan aksesori penari lelaki tarian Pinakang pada zaman pemerintahan British (1881-1963)	132

Jadual 5.7:	Ringkasan kostum dan aksesori penari wanita tarian Pinakang pada zaman pemerintahan Jepun (1940-1963)	136
Jadual 5.8:	Ringkasan kostum dan aksesori penari lelaki tarian Pinakang pada zaman pemerintahan Jepun (1940-1963)	138
Jadual 5.9:	Ringkasan kostum dan aksesori wanita tarian Pinakang masa kini	143
Jadual 5.10:	Ringkasan kostum dan aksesori lelaki tarian Pinakang masa kini	146



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1: <i>The Effort Diagram</i>	62
Rajah 3.2: <i>Eight effort movement</i>	64
Rajah 4.1: Elemen- elemen yang terdapat di dalam sesi <i>mo'ngogol om mi'andak</i> serta <i>mi'agung</i>	69
Rajah 4.2: Pecahan sesi di dalam <i>mi'igol om mi'andak</i> di dalam majlis perkahwinan	72
Rajah 4.3: Peletakan berat badan oleh penari tarian Pinakang semasa membuat persembahan	85
Rajah 4.4: <i>Effort movement</i> bagi ragam gerak <i>sumirid</i> dan <i>mitalib</i>	88
Rajah 4.5: <i>Effort movement</i> bagi ragam gerak <i>Mongigol-mangandak</i> dan <i>mangalikapta</i>	89
Rajah 4.6: Bentuk pola lantai <i>mi'adang</i> dan <i>liwotungon</i> dalam persembahan tarian Pinakang	105
Rajah 5.1: Sistem <i>Bi'nattang</i> Etnik Kimaragang	113

## SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1.1: Persembahan Tarian Pinakang	16
Gambar 1.2: Pakaian tradisional etnik Kimaragang	18
Gambar 1.3: Kulintangan dan rongungan	20
Gambar 4.1: Ragam gerak <i>sumirid</i>	87
Gambar 4.2: Ragam gerak <i>mongigol</i>	90
Gambar 4.3: Ragam gerak <i>mangandak</i>	94
Gambar 4.4: Ragam gerak <i>mitalib</i>	96
Gambar 4.5 : Ragam gerak <i>mangalikapta</i>	99
Gambar 5.1: Kostum penari wanita pada sebelum kedatangan kuasa British	117
Gambar 5.2: Aksesori kepala wanita dalam status sosial etnik Kimaragang	119
Gambar 5.3: Kostum penari lelaki pada zaman sebelum kedatangan kuasa Barat	123
Gambar 5.4: Sigar penari lelaki tarian Pinakang	124
Gambar 5.5: Kostum penari wanita semasa zaman penjajahan British (1881-1963)	127
Gambar 5.6: Kostum penari lelaki semasa zaman penjajahan British (1881-1963)	131
Gambar 5.7: Kostum penari wanita semasa zaman penjajahan Jepun (1940-1945)	135
Gambar 5.8: Kostum penari lelaki semasa zaman penjajahan Jepun (1940-1945)	137
Gambar 5.9: Kostum penari wanita pada masa kini	139
Gambar 5.10: Sisikot pada masa kini	141
Gambar 5.11: Gambar aksesori	142
Gambar 5.12: Kostum penari lelaki pada masa kini	144
Gambar 5.13: <i>Tagkos</i> lelaki	145

## SENARAI PETA

	Halaman
Rajah 1.1: Peta Lokasi Kota Marudu dan Daerah Pitas	5
Rajah 1.2: Peta Daerah Kota Marudu	6
Rajah 1.3: Peta Daerah Pitas	9
Rajah 1.4: Laluan migrasi etnik Kimaragang berdasarkan dua sumber yang berbeza	14



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Kebanyakan etnik pribumi yang terdapat di Sabah mempunyai tarian tradisionalnya yang tersendiri. Etnik Dusun Lotud di Daerah Tuaran sebagai contoh mempunyai tarian tradisionalnya yang dikenali sebagai *Sumayau*. Etnik Rungus di Daerah Kudat pula mempunyai tarian *Mongigol-sumundai*, etnik Kadazan di Daerah Penampang mempunyai tarian *Sumazau* dan banyak lagi tarian lain bagi etnik pribumi Sabah yang berlainan. Setiap tarian tradisional etnik pribumi Sabah yang berlainan mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri.

Dalam tinjauan awal yang telah pengkaji lakukan, etnik Kimaragang di Daerah Kota Marudu, Sabah mempunyai empat jenis tarian tradisional seperti tarian Pinakang, tarian Momiluk, tarian Mongilag dan tarian Monongkopiring. Menurut Jubin Uembang (informan), antara keempat-empat tarian tradisional etnik Kimaragang ini, tarian Pinakang adalah tarian yang paling popular ditarikan sejak dari dahulu hingga sekarang. Pada masa kini, tarian ini sering dipersembahkan di majlis-majlis keramaian seperti dalam Pesta Kaamatan (Pesta Menuai), majlis perkahwinan, majlis hari ucapan sekolah-sekolah rendah dan menengah di Kota Marudu.

Secara umumnya, ragam gerak tarian Pinakang adalah mudah diikuti oleh sesiapa pun. Dengan kata lain, sesiapa sahaja dapat mempelajari tarian Pinakang dengan mudah. Orang berkenaan hanya perlu mendepakan tangannya seperti gaya seekor burung helang sedang terbang dan mengerakkan kakinya mengikut rentak paluan gong dan kulintangan.

Namun dalam persembahan tarian Pinakang yang sebenarnya, terdapat pelbagai aspek yang perlu dititikberatkan oleh penari lelaki dan penari wanita. Mereka perlu berlatih sehingga ragam geraknya menepati ciri-ciri tarian Pinakang



yang diwarisi secara turun temurun. Penari lelaki perlu memastikan ragam gerak mereka kelihatan lebih gagah manakala penari wanita perlu menonjolkan aspek kelembutan dan kesopansantunannya. Selain itu, kostum tradisional dan aksesori yang dipakai oleh penari wanita dan penari lelaki akan menonjolkan lagi keunikan dan keistimewaan persembahan tarian Pinakang.

Pada hemat pengkaji, tarian Pinakang adalah salah satu daripada khazanah warisan etnik Kimaragang yang perlu dipelihara bagi mengekalkan identiti etnik Kimaragang tersebut. Keistimewaan dan keunikan dalam persembahan tarian Pinakang menarik minat pengkaji untuk mengkaji dan mendalami konteks persembahan, dan kostumnya.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Walaupun tarian Pinakang masih popular ditarikan dalam kalangan masyarakat Dusun Kimaragang sehingga kini, namun dalam tinjauan yang telah pengkaji lakukan, didapati kebanyakan penari tarian Pinakang dan anggota masyarakat Kimaragang yang berusia 40 tahun ke bawah, jika ditanyakan hal-hal berkenaan asal usul tarian Pinakang, kaitan antara tarian Pinakang dan kostumnya, proses pembuatan kostum dan pantang larang pemakaian aksesori, kebanyakan mereka tidak begitu arif tentangnya. Jika maklumat berkenaan asal usul, proses pembuatan kostum dan pantang larang pemakaian aksesori tidak didokumentasi dan dikaji, dikuatiri maklumat penting sedemikian akan lenyap bersama pemergian warga tua Kimaragang pada suatu hari nanti. Seterusnya, kostum dan aksesori Kimaragang didapati mengalami perubahan sejak dari dahulu hingga sekarang. Oleh hal yang demikian, adalah penting untuk pengkaji mengenal pasti dan mendalami unsur-unsur perubahan yang berlaku ke atas kostum dan aksesori Kimaragang. Sehingga kini, hal-hal berkenaan tarian Pinakang didapati jarang-jarang dikaji orang. Keunikan dan keistimewaan dalam aspek persembahan, ragam gerak, kostum dan aksesori tarian Pinakang telah menarik minat pengkaji untuk mengkajinya.

### 1.3 Objektif Kajian

Antara objektif-objektif dalam penyelidikan ini ialah:

- i. Mendokumentasi maklumat penting berkenaan asal usul, konteks dan fungsi tarian Pinakang daripada informan.
- ii. Mendalami aspek-aspek persembahan tarian Pinakang seperti ragam gerak, koreografi dan penggunaan alat-alat muzik.
- iii. Mendalami proses pembuatan kostum dan aksesori, serta perubahan konsep rekaan kostum etnik Kimaragang.

### 1.4 Metodologi dan Kaedah Kajian

Metodologi yang digunakan adalah metodologi kerja lapangan (*field work*). Dalam menjalankan kerja lapangan, terdapat tiga tahap penting bagi pengkaji memperoleh data kajian yang mencukupi. Tiga tahap penting tersebut adalah mengumpul data daripada informan, mentranskripsi dan mendokumentasi hasil kerja lapangan, serta menganalisis data yang diperolehi.

Bagi mencapai matlamat kajian, pengkaji menggunakan beberapa kaedah kajian seperti kaedah pemerhatian (*participant observation*), di mana pengkaji perlu membuat pemerhatian secara langsung dalam lapangan agar pengkaji boleh memahami subjek dengan lebih dekat. Selain daripada itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual (*interview*), dimana pengkaji menemu bual secara individu dan kumpulan.

Antara kaedah lain yang digunakan oleh pengkaji ialah pengumpulan maklumat melalui perpustakaan, arkib negeri, muzium negeri dan laman web bagi memperoleh data sekunder (*secondary data*). Melalui data sekunder ini, pengkaji dapat mengetahui kaedah serta teori-teori yang boleh diaplikasikan dalam penyelidikan yang dijalankan. Melalui pembacaan yang menyeluruh serta berkaitan dengan penyelidikan, ianya memberi kesan yang positif dalam meletakkan suatu pendekatan yang boleh memberi penjelasan kepada penyelidikan pengkaji.

## **1.5 Kaedah Analisis Data**

Kaedah analisis yang pengkaji gunakan dalam menjalankan kajian ini ialah kaedah diskriptif bagi menggambarkan aspek kostum dan aksesori yang tanpak dan dikaitkan dengan budaya etnik Kimaragang. Selain daripada itu, pengkaji juga akan menggunakan kaedah perbandingan bagi membandingkan antara kostum Pinakang dengan kostum tarian etnik Kadazandusun yang lain.


Dalam penyelidikan ini pengkaji akan melakukan analisis berdasarkan data yang diperolehi menerusi proses kerja lapangan. Antara kaedah yang digunakan dalam proses kerja lapangan adalah dengan menemu bual informan daripada etnik Kimaragang dan perbualan tersebut akan diubah kepada bentuk teks, dan ini memudahkan peralihan maklumat tarian Pinakang, konteks persembahan dan kostum tradisionalnya.

Bagi menganalisis ragam gerak tarian Pinakang, *Laban's Eight Basic Efforts* yang telah diperkenalkan oleh Warren Lamb (dalam Davies, 2001:46) akan digunakan bagi mengukur *effort movement* (kualiti gerak) dalam setiap ragam gerak tarian Pinakang. Penggunaan kaedah ini akan memudahkan pengkaji menganalisis ragam gerak tarian Pinakang kelak. Berasaskan *Laban's Eight Basic Efforts*, pengkaji bukan sahaja memberikan gambaran bentuk setiap ragam gerak dalam tarian Pinakang, malah perincian cara pelaksanaan ragam gerak dari segi tubuh badan, tenaga yang digunakan, bentuk dan ruang turut dibincang.

## **1.6 Lokasi Kajian**

Bagi melaksanakan penyelidikan ini, pengkaji telah memilih Daerah Kota Marudu dan Pitas yang terletak di kawasan pantai barat utara negeri Sabah sebagai lokasi kajian. Kota Marudu terletak pada kedudukan geografinya 6° 31' 0" Utara, 116° 45' 0" Timur, dan mempunyai keluasan 19.17km persegi, dan jaraknya daripada pusat Bandaraya Kota Kinabalu ialah 130km atau 2 jam perjalanan (pejabat daerah Kota Marudu). Manakala daerah Pitas mempunyai jarak 195 km daripada bandaraya Kota Kinabalu dan mengambil masa 3 jam perjalanan. Pemilihan lokasi kajian ini disebabkan oleh taburan penempatan etnik Kimaragang yang banyak terdapat di kawasan Daerah Kota Marudu dan di sempadan Kota Marudu - Pitas.

Melihat kepada sambutan Kaamatan pada setiap bulan Mei di kedua-dua daerah ini, etnik Kimaragang tidak akan ketinggalan dalam mempamerkan aspek kebudayaan mereka bagi mencerminkan identiti etnik Kimaragang. Rajah 1.1 merupakan peta lokasi kedua-dua kawasan kajian, iaitu kawasan biru adalah kawasan Daerah Kota Marudu dan kawasan kuning adalah kawasan Daerah Pitas. Berdasarkan peta Sabah, kedua-dua daerah ini terletak di bahagian pantai barat utara negeri Sabah, dan ia hanya dipisahkan dengan garisan sempadan sahaja. Latar belakang budaya penduduk di kedua-dua daerah ini, terutamanya di kawasan sempadan mempunyai perkaitan yang rapat dari segi pemakaian kostum, kepercayaan dan adat istiadat.




**Rajah 1.1 : Peta Lokasi Daerah Kota Marudu (Biru) dan Daerah Pitas (Kuning)**

Sumber : <http://www.google.com.my/imgres?q=Map+Kota+Marudu>  
(diubahsuai)

### 1.6.1 Daerah Kota Marudu

Sehingga tahun 2012, Daerah Kota Marudu mempunyai 134 buah Kampung dan mencatatkan seramai 61, 642 orang jumlah penduduknya. Menurut statistik kependudukan Kota Marudu yang dibuat oleh Pejabat Daerah Kota Marudu, etnik Kadazandusun merupakan etnik peribumi yang mendominasi kawasan ini. Selain daripada itu, terdapat juga kumpulan etnik yang lain seperti, Bajau, Suluk, Brunei, dan Cina. Sumber ekonomi utama di Daerah ini adalah, sektor pertanian, penternakan, perikanan, dan bidang perniagaan (Pejabat Daerah Kota Marudu). Rajah 1.2 menunjukkan peta daerah Kota Marudu dan lokasi kajian, iaitu kawasan Tandek.



**Rajah 1.2 : Peta Daerah Kota Marudu.**

Sumber : [www.maplandia.com/malaysia/sabah/bandau-kota-marudu](http://www.maplandia.com/malaysia/sabah/bandau-kota-marudu)  
(diubahsuai)

Berdasarkan maklumat yang pengkaji peroleh daripada Pejabat Daerah Kota Marudu pada tahun 2012, daripada 134 Kampung yang terdapat di Daerah Kota Marudu, pengkaji hanya fokus kepada beberapa buah Kampung di kawasan Tandek sahaja, kerana majoriti etnik Kimaragang mendiami kawasan Tandek. Antara Kampung yang akan dijadikan sebagai kawasan kajian adalah Kampung Tondig, Kampung Tingkalanon, Kampung Togudon, Kampung Tinogu, dan Kampung Liabas.

Lokasi kajian pertama adalah di Kampung Tondig. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Pejabat Daerah Kota Marudu, Kampung Tondig mempunyai keluasan seluas 500 hektar lingkungan kawasan dan mempunyai seramai 350 orang jumlah penduduk. Pemilihan Kampung Tondig sebagai lokasi pertama adalah disebabkan, 99% penduduk Kampung Tondig etnik Kimaragang. Daripada jumlah penduduk Kampung Tondig tersebut, 30% daripada penduduk Kampung Tondig masih menganuti kepercayaan tradisional Kimaragang dan mengamalkan adat tradisional Kimaragang sepenuhnya sehingga hari ini. Oleh itu, pengkaji mengambil keputusan untuk memilih dan menjadikan Kampung Tondig sebagai lokasi kajian yang pertama dalam menjalankan kajian ini.

Kampung kedua yang pengkaji telah lawati adalah Kampung Togudon. Kampung Togudon mempunyai keluasan 300 hektar, dan mempunyai bilangan penduduk seramai 320 orang. Pemilihan Kampung Togudon sebagai lokasi kedua adalah kerana, Kampung ini sering mengadakan Pesta Kaamatan Peringkat Kampung yang bertemakan kebudayaan tradisional Kimaragang. Melalui usaha ini, pengkaji berpendapat bahawa kesedaran masyarakat Kampung Togudon terhadap memelihara tradisi Kimaragang adalah tinggi. 99% daripada penduduk Kampung Togudon juga adalah etnik Kimaragang yang masih berpegang teguh kepada adat dan budaya turun temurun mereka.

Lokasi kajian ketiga adalah Kampung Tingkalanon. Pemilihan Kampung Tingkalanon sebagai tempat kajian adalah disebabkan Kampung Tingkalanon mempunyai persatuan kebudayaannya sendiri. Sehingga kini, persatuan kebudayaan Kampung Tingkalanon begitu aktif dalam membuat persembahan di sekitar daerah Kota Marudu. Menurut Pangangin Bados (informan) perKampungan

Tingkalanon adalah perKampungan etnik Kimaragang tertua di kawasan Tandek. Hal ini disebabkan, etnik Kimaragang pada suatu masa dahulu hidup secara normad bagi menanam padi huma. Ekoran pengamalan tradisi berpindah rendah itu, maka terbentuklah Kampung lain yang penduduknya berasal dari Kampung Tingkalanon, seperti Kampung Tondig dan Kampung-Kampung lain di sekitarnya. Bilangan penduduk Kampung Tingkalanon pada masa kini berjumlah 750 orang.

Lokasi kajian seterusnya ialah Kampung Tinogu, yang terletak bersebelahan dengan Kampung Tingkalanon. Kampung Tinogu menjadi pilihan pengkaji kerana Kampung ini mempunyai kumpulan pemain gong tradisional Kimaragang yang bergiat aktif di sekitar kawasan daerah Kota Marudu. Kumpulan pemukul gong tradisional ini diketuai oleh En. Linjanan Jangayan, dan ahli kumpulan pemain gong ini terdiri daripada penduduk Kampung Tinogu dan ahli keluarga En. Linjanan sendiri. Selain sebagai ketua kumpulan muzik tradisional Kimaragang, En. Linjanan juga mempunyai kepakaran dalam membuat gong dan sering menerima tempahan membuat gong dan membaiki gong yang telah rosak. Kemahiran yang dimiliki oleh En. Linjanan ini telah menaikkan lagi populariti kumpulannya di sekitar kawasan daerah Kota Marudu, khususnya di kawasan N.5 Tandek.

Kampung terakhir yang menjadi lokasi kajian pengkaji ialah Kampung Liabas yang terletak berhampiran dengan Kampung Togudon. Kawasan ini menjadi pilihan pengkaji kerana, hanya Kampung Liabasi yang mempunyai seorang *bobolian* (pakar upacara) dan masih aktif mengendalikan upacara sehingga kini. Dalam hairaki tradisional etnik Kimaragang, *bobolian* sebagai ketua upacara dan ia ditempatkan pada kedudukan kedua terpenting selepas ketua Kampung. Kampung Liabas ini di bawah jagaan En. Jaluna Jaga sebagai ketua Kampung, dan menurut En. Jaluna (informan), penduduk Kg. Liabas masa kini kebanyakannya sudah memeluk agama Islam mahupun Kristian, tinggal lebih kurang 10% sahaja lagi yang meneruskan amalan kepercayaan tradisional etnik Kimaragang.


Pemilihan kelima-lima Kampung ini sebagai lokasi kajian disebabkan kelebihan informan dalam setiap Kampung yang pengkaji kenal pasti dan diharap dapat membantu melancarkan perjalanan kajian pengkaji dalam membekalkan



maklumat-maklumat yang penting berkait dengan kostum tradisional dan juga tarian Pinakang.

### 1.6.2 Daerah Pitas

Daerah Pitas mempunyai keluasan 141 935 km persegi dan topografinya adalah berbukit bukau. Seperti Daerah Kota Marudu, majoriti penduduk di Daerah Pitas juga ialah etnik Kimaragang, diikuti dengan etnik Bajau, Cina dan lain-lain etnik. Jika diteliti, fokus pengkaji mengumpul maklumat di Daerah Pitas adalah di Kampung Salimpodon Darat, yang terletak dikawasan sempadan daerah Kota Marudu dengan Pitas. Rajah 1.3 merupakan peta lokasi bagi daerah Pitas dan lokasi kajian iaitu Kampung Salimpodon Darat.



**Rajah 1.3 : Peta Daerah Pitas.**

Sumber : <http://www.google.com.my/imgres?q=daerah+pitah>  
(diubahsuai)